



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafs.gov.my

SIARAN MEDIA

RM1.6 BILLION MANFAAT KEPADA PESAWAH PERKUKUH INDUSTRI PADI BERAS NEGARA

KUALA SELANGOR, 6 MAC 2023 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menerusi Belanjawan 2023 menerima sejumlah RM1.6 billion penyaluran pelbagai subsidi dan insentif seperti harga padi, baja padi dan padi huma bagi mengurangkan beban kos sara hidup pesawah selain memastikan kelangsungan pengeluaran padi dan beras negara sentiasa terjamin.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Haji Mohamad Sabu berkata selaras dengan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber import, agenda keterjaminan makanan akan terus diberikan penekanan melalui beberapa inisiatif terutamanya manfaat kepada para pesawah diseluruh negara selain memperkukuh industri padi beras negara.

Beliau ditemui media selepas mengadakan lawatan kerja ke Jelapang Padi Negeri Selangor bagi meninjau sendiri program dan aktiviti yang dijalankan di kawasan berkenaan melibatkan tiga kawasan parlimen iaitu Sabak Bernam, Sungai Besar dan Tanjung Karang di Negeri Selangor.

Menurut Mohamad, menerusi ucapan Belanjawan 2023 pada Februari lalu beberapa inisiatif khusus yang menyokong agenda keterjaminan makanan telah diumumkan termasuklah bantuan kepada pesawah. Menerusi peruntukan berjumlah RM1.6 bilion ini penyaluran berjumlah RM228 juta akan memanfaatkan seramai 240 ribu pesawah dimana mereka menerima sumbangan sebanyak RM200 sebulan untuk tempoh tiga bulan atau semusim. Selain itu, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) turut akan berkongsi 30 peratus keuntungan bersih daripada import beras kepada pesawah.

Menerusi lawatan dan sesi libat urus bersama pemain industri, Mohamad turut diberikan taklimat berkaitan penggunaan automasi dan mekanisasi yang menjadi alternatif utama kepada isu kekurangan tenaga kerja pertanian. Jelapang Padi Selangor telah mempelopori penggunaan jentanam (*transplanter*) di keseluruhan kawasan jelapang dan luar jelapang padi di negeri tersebut.

Penggunaan jentanam dalam subsektor padi dan beras telah terbukti memberi banyak manfaat kepada pesawah. Antaranya membantu menyeragamkan jarak tanaman, pertumbuhan dan kadar kematangan padi. Selain itu, ia juga dapat memudahkan pengurusan rumpai, penyakit dan perosak, mengoptimumkan penggunaan benih daripada tujuh (7) beg kepada empat (4) beg serta dapat mengurangkan peratus kadar pemutuan padi. Dalam perkara ini, penggunaan jentanam adalah disyorkan untuk dipraktikkan oleh pesawah dan pengusaha padi di seluruh negara.

Dalam memenuhi permintaan pada masa kini, subsektor padi dan beras negara telah beralih kepada penggunaan teknologi, terutamanya *Internet of Things* (IoT). Penggunaan teknologi canggih ini adalah selaras dengan pembangunan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) demi menjamin produktiviti yang lebih baik.

Antara teknologi yang diterapkan adalah penggunaan dron bagi pemantauan yang lebih berkesan dan penyemburan input pertanian seperti baja dan racun. Ini sekali gus dapat mengurangkan kos penanaman disamping meningkatkan produktiviti hasil pertanian padi.

Selain itu, Kementerian turut menyasarkan peningkatan purata hasil padi per hektar nasional kepada 7 metrik tan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan meningkatkan pendapatan pesawah, KPKM sedang giat membangunkan kawasan penanaman padi seluas 300,000 hektar setahun secara berperingkat melalui program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB). Dalam usaha ini, pembangunan penanaman padi wangi Malaysia secara berskala besar dilihat akan melengkapkan rangkaian nilai dalam subsektor padi dan beras negara.

Pengembangan program ini dibuat menerusi kerjasama pintar di antara pihak KPKM dan FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd. di negeri Selangor dan Perak. Pelaksanaan program SMART SBB ini telah mencapai keseluruhan kawasan seluas 1,500 hektar pada tahun 2022 dengan peningkatan sebanyak 435 peratus berbanding keluasan sebanyak 280 hektar pada tahun 2021. Manakala, seramai 724 orang pesawah telah menerima manfaat daripada pulangan bersih hasil tuaian sawah sebanyak 28 peratus iaitu RM1,200 per tan metrik sebelum ini kepada RM1,540 per tan metrik.

Turut serta dalam lawatan ini Ketua Pengarah Industri Padi Beras (IPB), YBhg. Datuk Azman Mahmood, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian (DOA), YBhg. Dato' Zahimi Hassan, Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif AGROBANK, YM Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
6 MAC 2023